

04/01/1997

Gandingan mantap parti komponen jamin kejayaan

MACHANG, Jumaat - Barisan Nasional (BN) yakin gandingan mantap semua anggota parti komponen itu kebelakangan ini mampu menjamin kemenangan calon BN dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Pulai Chondong, Isnin ini.

Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata hanya pada peringkat awal sahaja jentera parti agak perlahan kerana kebanyakannya sibuk dengan urusan peribadi termasuk bercuti menghadapi tahun baru.

"Kebetulan hujung tahun ramai yang ada urusan di luar negara dan bercuti. Bagaimanapun, selepas 1 Januari lalu, semuanya berjalan lancar," katanya ketika ditemui Berita Harian di Pulai Chondong, dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini yang tidak berpuas hati dengan kerjasama anggota parti komponen BN membantu calonnya pada pilihan raya kecil DUN Pulai Chondong itu.

Presiden Umno itu juga mengarahkan semua parti komponen BN, termasuk bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) supaya bekerjasama menghadapi pilihan raya Pulau Chondong itu.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, BN tidak menghadapi sebarang masalah kekurangan kakitangan dan sentiasa bekerjasama dengan anak tempatan.

"Tidak ada masalah dan semua pemimpin Pusat akan turun, termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Pemuda, Datuk Zahid Hamidi dan Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, esok.

"Bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah, turun mulai hari ini hingga hari mengundi," katanya.

Beliau yakin kehadiran beberapa tokoh itu akan membantu memantapkan kerjasama antara anggota parti bagi menjamin kemenangan BN dalam pilihan raya kecil itu.

Annuar tidak menolak kemungkinan kepulangan pengundi kawasan itu yang berada di luar Kelantan menjadi salah satu faktor membantu kemenangan BN.

Menurutnya, kira-kira 1,026 penyokong BN dikenal pasti berada di luar kawasan dan mereka diharap dapat pulang pada hari pembuangan undi Isnin ini.

"Kita harap 70 hingga 80 peratus daripada mereka itu akan pulang ke kampung masing-masing pada hari itu untuk menjamin kemenangan calon BN pada pilihan kali ini," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan Pengarah Pilihan Raya Pas kawasan itu, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah bahawa parti yang menang dalam pilihan raya kecil itu akan memperolehi majoriti tidak lebih daripada 500 undi, Annuar berkata:

"Ini mungkin taktik Pas supaya orang dia kerja kuat".

(END)